



## MAJLIS DAERAH GUA MUSANG

### KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor Bumiputra Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan bidang kerja berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :-

| Bil | No. Sebutharga  | Nama Projek  | Kategori                       | Harga Dokumen (RM) | Lawatan Tapak  |
|-----|-----------------|--|--------------------------------|--------------------|--|
| 1)  | MDGM:<br>1/2019 | MEMBINA TANDAS DAN BUMBUNG MEDAN SELERA DI HENTIAN RAWAT DAN REHAT LOJING, MD GUA MUSANG | Gred 'G2'<br><br>(B04 / CE 21) | RM40.00            | Taklimat dan Lawatan Tapak <b>DIWAJIBKAN</b><br><br>Tarikh : 25 Mac 2019<br>Masa : 10.00 pagi<br>Tempat : R&R Lojing,<br>Pos Brooke,<br>Gua Musang                               |
| 2)  | MDGM:<br>2/2019 | MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH TANDAS AWAM DI PUSAT BANDAR CHIKU, MD GUA MUSANG           | Gred 'G1'<br><br>(B04)         | RM30.00            | Taklimat dan Lawatan Tapak <b>DIWAJIBKAN</b><br><br>Tarikh : 24 Mac 2019<br>Masa : 10.00 pagi<br>Tempat : Pejabat MDGM,<br>Cawangan Chiku,<br>Pasar Besar Chiku 3,<br>Gua Musang |
| 3)  | MDGM:<br>3/2019 | MENAIKTARAF LONGKANG PERUMAHAN TAMAN DAMAR, MD GUA MUSANG                                | Gred 'G1'<br><br>(B04)         | RM30.00            | Taklimat dan Lawatan Tapak <b>DIWAJIBKAN</b><br><br>Tarikh : 24 Mac 2019<br>Masa : 2.00 petang<br>Tempat : Perkarangan Pejabat<br>Majlis Daerah<br>Gua Musang                    |

**\*\*Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat tapak.**



- 2) Dokumen sebutharga akan dijual mulai **26 Mac 2019** hingga **02 April 2019 (waktu pejabat)** di kaunter bayaran Pejabat Majlis Daerah Gua Musang dan hanya akan dijual kepada Penyebutharga atau wakil yang sah sahaja dengan bayaran tunai.
- 3) Semasa Lawatan Tapak atau Sesi Taklimat Kontraktor, Syarikat dikehendaki membawa Sijil Asal dan **TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** pegawai lain selain daripada penama dalam Sijil CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat DAN Kementerian Kewangan.
- 4) Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor (Asal dan Salinan), Sijil Peroleh Kerja Kerajaan (SPKK) (Asal dan Salinan), Surat Pengiktirafan Bumiputera (Asal dan Salinan), atau salinan yang di akui sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Surat Wakil yang sah daripada syarikat.
- 5) Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis **No.Sebutharga, Nama Projek dan Tarikh Tutup Sebutharga**, dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Pembangunan dan Kerujuteraan MDGM** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **04 April 2019**.
- 6) Majlis Daerah Gua Musang tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga yang dikemukakan.

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH GUA MUSANG,  
18300 GUA MUSANG,  
KELANTAN.**

Bertarikh : 18 Mac 2019  
FAIL MDGM: 9/1/4/3

